

## JURAGAN WARGA FILIPINA GAGAL SELUDUP BARANG KAWALAN

11:15am 01/02/2020 ; Junaidi Ladjana



**Suspek yang ditahan APMM Kudat bersama barang kawalan yang disyaki cuba diseludup keluar. – Gambar SNT/Ihsan APMM**

**KUDAT:** Cubaan seorang juragan warga Filipina menyeludup keluar barang kawalan menggunakan bot nelayan tempatan membawa padah apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kudat.

Suspek berusia 23 tahun itu ditahan APMM Kudat di kedudukan jarak hampir 0.8 batu nautika dari muara Marina Kudat di sini pada pukul 5.30 petang, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kudat, Komander (M) Boon Chin Chau berkata hasil pemeriksaan bot maritim mendapati bot nelayan tempatan itu membawa beberapa jenis barang yang dikategorikan sebagai barang kawalan.

“Antara barang-barang yang dibawa adalah minyak masak berjumlah 102 kilogram, petrol sebanyak 180 liter dan diesel 3,000 liter serta enam tong gas petroleum cecair (LPG).

“Semua barang kawalan itu tidak memiliki surat kebenaran yang sah daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan disyaki cuba diseludup keluar,” katanya dalam kenyataan media hari ini.

Beliau berkata, juragan warga Filipina itu melakukan kesalahan salah guna lesen bot dengan membawa barang kawalan.

Katanya bot bersama juragan dibawa ke Jeti Sabah Port Kudat dan diserahkan kepada pegawai penyiasat Zon Maritim Kudat untuk tindakan lanjut.

Jelas beliau kes terbabit disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu memiliki barang kawalan dan Peraturan 12 (1) Peraturan-peraturan Pelabuhan dan Dermaga 2008, salah guna lesen bot dengan membawa barang kawalan. – SabahNewsToday